KEMENTERIAN DALAM NEGERI

NOTIS MAKLUMAN
PENGGUNAAN SISTEM FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS) BAGI PERMOHONAN KUOTA PENGGAJIAN PEKERJA ASING

Dimaklumkan bahawa bermula **15 April 2026,** semua urusan **permohonan kuota penggajian pekerja asing** yang merangkumi permohonan Kelulusan Awal Menggajikan Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955, permohonan kuota serta penetapan tarikh temujanji akan dilaksanakan sepenuhnya melalui **Sistem Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)** yang boleh dilayari melalui pautan:

https://fwcms.com.my/.

Carta Alir permohonan melalui sistem ini adalah seperti di **Lampiran A.**

Sebagai makluman, permohonan kuota ini adalah **tertakluk kepada siling kuota tahun 2025 yang masih berbaki** dan **terhad kepada sektor dan subsektor** yang telah ditetapkan. Permohonan kuota bagi setiap sektor atau subsektor akan ditutup setelah mencapai had yang ditetapkan. Syarat kelayakan, kriteria permohonan dan senarai semak adalah seperti di **Lampiran B.**

Selaras dengan pelaksanaan sistem FWCMS ini juga, kaedah pengambilan nombor giliran melalui Sistem Temu Janji sedia ada tidak lagi diguna pakai bagi urusan permohonan baharu. Walau bagaimanapun, Sistem Temu Janji (https://que05-my.qbe.ee/KDN-OSC) masih diguna pakai bagi urusan-urusan berikut:

i) Temuduga Selepas Kelulusan 60K; dan
ii) Permohonan Pertukaran Majikan

Sila ambil perhatian bahawa sebarang permohonan yang dikemukakan selain melalui sistem FWCMS selepas tarikh kuat kuasa ini tidak akan diproses. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan pelaksanaan sistem ini boleh diajukan ke e-mel osc_kdn@moha.gov.my. Pertanyaan berkaitan sistem FWCMS boleh diajukan kepada **Pusat Khidmat Pelanggan FWCMS di talian: 03-86892822.**

Sekian, terima kasih.

PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING
BAHAGIAN HAL EHWAL IMIGRESEN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

APRIL 2026

LAMPIRAN A

PERMOHONAN KUOTA PEKERJA ASING SECARA *CASE BY CASE* MENGGUNAKAN SISTEM FWCMS

CARTA ALIR	CATATAN
Permohonan Kuota ↓ Semakan dan Pengesahan Dokumen ↓ Penetapan Tarikh Temuduga ↓ Sesi Temuduga di OSC KDN ↓ Pengesyoran Kuota ↓ Kelulusan Awal Penggajian Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 oleh JTKSM ↓ Kelulusan Kuota ↓ Pembayaran Levi ↓ Muat Turun Surat Kelulusan Bersayarat (SKB)	1. Majikan log masuk **modul eQuota** FWCMS bagi permohonan kuota dan muat naik dokumen sokongan permohonan untuk semakan dan pengesahan. 2. Setelah dokumen permohonan disahkan dalam sistem, majikan memilih tarikh temujanji bagi proses temuduga di OSC KDN. 3. Majikan hadir ke OSC KDN bagi proses temuduga bersama panel mengikut tarikh temujanji. 4. Panel Agensi Kawal Selia (AKS) memberikan syor berdasarkan kriteria dan kelayakan dan syarat yang ditetapkan. 5. Majikan log masuk **modul FWe** FWCMS untuk membuat permohonan Kelulusan Awal Menggajikan Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) * Majikan akan mendapat notifikasi melalui e-mel / boleh menyemak status permohonan melalui sistem untuk memohon kelulusan 60K melalui FWe 6. Kelulusan kuota dibuat selepas majikan memperoleh kelulusan Seksyen 60K. 7. Majikan perlu membuat bayaran levi secara dalam talian melalui sistem e-Bayaran JIM dalam tempoh 15 hari dari tarikh kelulusan dikeluarkan. 8. Majikan memuat turun Surat Kelulusan Bersyarat (SKB) melalui FWCMS. Tempoh sah SKB adalah 12 bulan sahaja.

LAMPIRAN B

PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING
ARAS 5, SETIA PERKASA 9,
KOMPLEKS SETIA PERKASA, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62546 PUTRAJAYA

Syarat kelayakan dan kriteria permohonan, senarai semak serta borang permohonan kuota penggajian pekerja asing yang terkini boleh didapati dan dimuat turun di portal KDN www.moha.gov.my di pautan Hal Ehwal Imigresen atau dengan mengimbas kod QR di bawah:

SENARAI SEMAK & BORANG PERMOHONAN KUOTA (OSC KDN)